FAHAMI SISTEM 3M — ADIB

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

MELAKA, Rabu — Ketua-ketua jabatan kerajaan di negeri ini diminta supaya bersama-sama memikul tanggungjawab meredakan kekecuhan dalam pelaksanaan sistem 3M.

"Saya ingin mengingatkan bahawa 3M hanya sebahagian dari Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan bukannya KBSR itu sebahagian dari 3M seperti yang diperkatakan oleh pihak-pihak tertentu sekarang," kata Ketua Menteri, Encik Mohd. Adib Haji Mohd. Adam.

Beliau menyeru rakyat semua keturunan sama-sama berkorban mewujudkan pemikiran dan nilai-nilai Malaysia.

Encik Adib memberitahu demikian selepas mendengar taklimat mengenai KBSR dan sistem 3M yang turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri Melaka di Bilik Gerakan Negeri semalam.

Taklimat itu disampaikan oleh Penolong Pengarah (Kurikulum) Jabatan Pelajaran Melaka, Encik Husin Abu Bakar.

Encik Mohd. Adib berkata beliau sengaja memasukkan agenda taklimat khas tersebut untuk memberikan gambaran jelas kepada ketua-ketua jabatan kerajaan dan wakil-wakil akhbar tempatan mengenai sistem tersebut.

Gambaran

"Taklimat ini boleh memberi gambaran sebenarnya mengenai KBSR," kata beliau.

Encik Mohd. Adib berkata jika masih ada yang tidak puas hati, perkara itu boleh dibincangkan bersama.

Sementara itu, UMNO Bahagian Alor Gajah menyokong penuh pelancaran sistem 3M.

Setiausaha bahagian itu, Haji Abdul Jalil Abdul Rahman berkata pihaknya berikrar mempertahankan dasar itu walaupun akan menempuh dugaan dan rintangan demi perpaduan serta kepentingan bangsa dan negara.